

15 MAY 1996

Ghafar-Anugerah

MELAKA ANUGERAH PINGAT KHAS KEPADA TUN GHAFAR

MELAKA, 15 Mei (Bernama) -- Bekas Timbalan Perdana Menteri, Tun Ghafar Baba akan dianugerahkan pingat dan selempang khas oleh Umno Melaka sebagai menghargai jasanya kepada Umno.

Beliau adalah antara lapan tokoh veteran Umno Melaka yang akan dianugerahkan pingat dan selempang pada majlis sambutan ulangtahun ke-50 Umno peringkat negeri di sini Sabtu ini.

Ketua Menteri Datuk Seri Mohd Zin Abdul Ghani berkata pingat dan selempang itu akan disampaikan oleh Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim yang turut akan merasmikan perayaan itu.

Ghafar, yang juga bekas Timbalan Presiden Umno, dan tujuh penerima lain itu adalah antara kumpulan yang terbabit dengan penubuhan Umno di Melaka pada tahun 1946, katanya.

Penerima lain ialah Haji Nordin Saad, Datuk Mohd Ali Salleh, Mohd Jadi Lahom, Datuk Borhan Mohd Yaman, Datuk Johari Yusuf, Haji Abdul Samah Abdul Aziz dan Puan Zainab Samdin.

Selain menyampaikan pingat dan selempang itu, Anwar, yang juga Timbalan Presiden Umno, akan berucap serta melepaskan burung merpati sempena majlis berkenaan yang diadakan di Padang Bandar Hilir di sini.

Perayaan ulangtahun ke-50 Umno peringkat negeri itu akan dimulakan dengan perarakan bendera Umno, upacara menaikkan bendera dan nyanyian beramai-ramai lagu Umno oleh kira-kira 5,000 hadirin.

Mohd Zin berkata acara lain sempena perayaan itu ialah pembacaan sajak khas Umno Melaka dan sajak karya Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang bertajuk "Perjuangan yang belum selesai".

Satu pameran sehari mengenai perjuangan Umno juga akan diadakan di Padang Bandar Hilir sempena perayaan itu.

Mohd Zin berkata Umno negeri juga akan menganjurkan majlis makan dan persembahan pantomim mengenai sejarah Umno di Seri Bendahara pada malam hari Ahad. -- BERNAMA

MOZ AKD